



PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

NOTIS SEBUT HARGA KERJA

SEBUT HARGA PMINT BIL. 325/2025

CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN INFRASTRUKTUR ASAS BESERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA BERSEBELAHAN ACE GASES DI KAWASAN PERINDUSTRIAN KERTEH, MUKIM KERTEH, KEMAMAN, TERENGGANU

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam **Gred G4 Kategori CE, Pengkhususan CE01 & CE21**.
2. Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **13 November 2025 (Khamis)** hingga **20 November 2025 (Khamis)** di pejabat **Bahagian Pengurusan Kontrak, Tingkat 11, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu** dengan menyertakan wang pos/wang kiriman pos/draf bank/tunai berharga RM50.00 yang dibuat di atas nama **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu**.
3. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat sebut harga pada **13 November 2025 (Khamis)** jam **10.00 pagi (Masa Pendaftaran : 9.30 pagi)** di **Dewan Seminar, Tingkat 2, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu**. Taklimat sebut harga akan hanya diadakan sekali sahaja manakala lawatan tapak adalah digalakkan (**Koordinat GPS: 4°33'22.1"N103°26'57.0"E**). Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga ini.
4. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor dikehendaki membawa **Cop Rasmi Syarikat, Perakuan/Sijil ASAL Pendaftaran PPK dan SPKK** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut.
5. Kontraktor **diwajibkan** untuk mengemukakan dokumen **SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)** yang **berstatus PATUH** semasa menghadiri taklimat sebut harga. Sekiranya gagal, Kontraktor adalah tidak layak untuk menyertai taklimat tersebut.
6. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** serta ditulis di sudut atas kiri **Nama Sebut Harga seperti di atas** dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Bilik Urusan Tender dan TTD, Tingkat 11, Menara PMINT** sebelum jam **12.00 tengahari, hari Khamis, 20 November 2025**.
7. Pihak **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu** tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

.....
Nama : **KHALIZAN BIN MAHMUD**
Pengurus Besar Pengurusan Teknikal J13
Jawatan: **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu**
Tarikh : **5 NOV 2025**